PENASIHAT UNDANG-UNDANG NEGERI
NEGERI SEMBILAN.

NEGERI SEMBILAN

# Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*GOVERNMENT OF NEGERI SEMBILAN GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

Jil. 37
No. 5

**1hb Mac 1984**

*TAMBAHAN No. 1*
*PERUNDANGAN*

**N.S. P.U. 1.**

## AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976

### UNDANG-UNDANG KECIL PASAR (MAJLIS PERBANDARAN SEREMBAN) 1983

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 73 Akta Kerajaan Tempatan 1976, Majlis Perbandaran Seremban telah membuat Undang-undang Kecil yang mana telah disahkan oleh Pihakberkuasa Negeri mengikut peruntukan seksyen 103 Akta tersebut seperti berikut: *Akta 171.*

1. Undang-undang Kecil ini bolehlah dinamakan **Undang-undang Kecil Pasar (Majlis Perbandaran Seremban) 1983** dan hendaklah mula berkuatkuasanya pada tarikh berikutan dengan tarikh tersiarnya Undang-undang Kecil ini dalam *Warta*. Tajuk ringkas dan mula berkuatkuasa.

2. Dalam Undang-undang Kecil ini melainkan jika kandungan ayatnya menghendaki makna yang lain— Tafsiran.

"petak" ertinya mana-mana ruang yang ditetapkan di sekitar kawasan-kawasan sesebuah pasar dan digunakan untuk menjual apa-apa barang yang diluluskan oleh Yang Dipertua;

"Yang Dipertua" ertinya orang yang pada masa itu menjalankan tugas-tugas jawatan Yang Dipertua Majlis Perbandaran Seremban dengan sah di sisi Undang-undang dan termasuklah Timbalan Yang Dipertua;

"pasar persendirian" ertinya sebuah pasar yang lain daripada pasar awam dan termasuklah Mini Market Supermarket;

"pasar awam" ertinya sebuah pasar yang dipunyai, dipajak atau disenggarakan oleh Yang Dipertua;

"pemegang gerai" bermakna seorang di sebuah pasar awam yang dilesen oleh Yang Dipertua untuk menjual dalam kawasan pasar awam itu, dan di dalam pasar persendirian seseorang yang dibenarkan oleh pemegang lesen pasar persendirian itu untuk menjual di dalam pasar persendirian itu dan di dalam kedua-dua perkara itu termasuklah orang yang menjaga gerai-gerai tersebut;

"gerai" termasuklah sesuatu petak.

Lesen bagi pasar persendirian.

3. Tiada seseorang boleh menubuhkan, mengendalikan atau membuka sesebuah pasar persendirian di mana-mana tempat, pegangan atau bangunan tanpa sesuatu lesen yang dikeluarkan oleh Yang Dipertua di bawah Undang-undang Kecil ini.

Kehendak-kehendak bangunan yang dilesen bagi pasar persendirian.

4. *(a)* Dinding-dinding hendaklah dibina dengan permukaan yang licin dan boleh dengan senang dan lekas dicuci tanpa binaan yang boleh mengumpulkan debu-debu.

*(b)* Semua lantai hendaklah dibina dari bahan yang tahan dan tidak lantas oleh air dan licin serta curam supaya semua air boleh dengan mudahnya mengalir ke dalam longkang-longkang.

*(c)* Longkang-longkang hendaklah dibina daripada bata yang disapu dengan simen yang baik dengan bahagian bawahnya setengah bulatan atau separuh paip daripada tanah liat yang dibakar dan hendaklah garisan lintangnya tidak kurang daripada 0.15 metre dan hendaklah juga cukup bilangannya dan curamnya supaya mengalirkan semua air dan lain-lain cecair. Longkang-longkang yang demikian kecuali di mana ianya menyeberang kaki lima hendaklah ditutup dengan papan yang boleh dialih dan lain-lain bahan dan tidaklah dibenarkan ditutup dengan barang-barang ataupun perabot yang berat. Tiada longkang-longkang atau paip yang digunakan untuk mengalirkan air hujan atau air mandi atau kencing atau najis selain daripada paip dalam tanah yang dibina dengan secara baiknya boleh dibina melalui premis-premis itu.

*(d)* Lantai-lantai bagi tingkat-tingkat atas hendaklah dibina dengan baiknya dengan simen konkrit atau dengan papan-papan lantai yang rapat dengan berlidah ataupun dicantumkan supaya air tidak lantas.

Kehendak-kehendak menjual daging dan ikan.

5. *(a)* Di mana-mana pasar persendirian di mana daging atau ikan dipotong, dibersihkan, dicincang, disimpan, dipamerkan atau didedahkan untuk jualan, dinding-dinding hendaklah dibina setinggi 1.8 meter dari lantai dan permukaannya hendaklah diperbuat daripada tail putih yang dibakar, batu-bata yang dibakar atau lain-lain bahan yang tidak boleh dilantas air, yang diluluskan oleh Yang Dipertua.

*(b)* Semua meja-meja, kaunter-kaunter, bangku-bangku atau tempat-tempat pamer yang digunakan untuk jualan daging atau ikan hendaklah diperbuat daripada tail putih yang dibakar atau kaca, dan hendaklah dicuci dengan sabun dan air sekurang-kurangnya sekali sehari.

(*c*) Semua meja-meja, kaunter-kaunter, bangku-bangku atau tempat-tempat yang digunakan untuk mempamerkan untuk jualan buah-buahan atau sayur-sayuran yang baru hendaklah dibersih dengan sabun dan air sekali sehari.

(*d*) Kancing-kancing untuk menggantung daging-daging atau ikan-ikan yang dipamerkan untuk jualan hendaklah dijauhkan sekurangnya 1 meter dari berandah atau kaki lima dan hendaklah diperbuat dari bahan yang tidak boleh berkarat dan hendaklah diganti apabila diarah oleh Pegawai Kesihatan.

(*e*) Buah-buahan dan sayur-sayuran yang baru tidak boleh dipamer atas kaunter atau bangku yang sama dengan ikan dan daging baru.

(*f*) Peti-peti sejuk dan alat-alat penyejuk dari jenis peten yang diluluskan boleh diadakan jika difikirkan perlu oleh Pegawai Kesihatan.

Bekalan air.

6. Bekalan air yang bersih dan jernih hendaklah diadakan dengan secukupnya di premis dan ini akan diperolehi dari bekalan air awam.

Kehendak-kehendak kesihatan.

7. Pemegang lesen di dalam setiap pasar persendirian hendaklah mengikut kehendak-kehendak berikut—

(*a*) Dia hendaklah menyebabkan semua sampah-sampah dipungut dan diletakkan di dalam bekas-bekas yang bertutup untuk tujuan tersebut dan hendaklah dikosongkan dan kerapkali dibersihkan sekurang-kurangnya sekali sehari supaya senantiasa kelihatan bersih.

(*b*) Jika Pegawai Kesihatan membuat arahan supaya semua barang-barang hendaklah dikeluarkan dari premis yang berlesen, dinding-dinding, lantai-lantai, atap-atap dan bumbong hendaklah disapu dan semua sampah-sampah hendaklah dibuang dan seluruh premis mestilah betul-betul dibersihkan, dicat atau dikapur dan memperbaiki apa yang perlu di premis tersebut.

(*c*) Semua makanan untuk jualan hendaklah disimpan dalam keadaan bersih dan terlindung jauh dari lalat, serangga, habuk, ulat, kotoran atau lain-lain benda, barang atau perkara yang merbahaya.

(*d*) Semua barang-barang yang digunakan di premis mestilah disimpan dalam keadaan bersih dan bebas dari habuk atau kuman.

Barang-barang yang tidak dibenarkan.

(*e*) Tiada alat-alat tidur atau pakaian dibenarkan bergantungan atau disimpan di mana-mana pasar persendirian.

Syarat-syarat mengeluarkan lesen pasar persendirian.

8. (*a*) Di dalam kes pasar persendirian, Yang Dipertua boleh menetapkan—

(i) bilangan maksima gerai-gerai, petak-petak atau lot-lot yang boleh didirikan atau diadakan di dalam pasar persendirian itu;

(ii) kedudukan di dalam kawasan pasar persendirian itu di mana gerai atau petak-petak boleh didirikan atau ditandakan;

(iii) makanan yang dimasak atau mentah, minuman atau barang-barang yang boleh dijual atau tidak boleh dijual di dalam sesuatu seksyen atau bahagian di dalam pasar persendirian itu; dan

(iv) kehendak-kehendak lain yang difikirkan perlu oleh Yang Dipertua.

*(b)* Yang Dipertua boleh mengeluarkan lesen untuk pasar persendirian dengan syarat-syarat yang difikirkannya sesuai.

Lesen gerai dikehendaki di pasar awam.

9. *(a)* Tiada seorang pun boleh menjual atau mendedahkan atau menyimpan binatang-binatang untuk dijual atau daging, ikan, ayam, buah-buahan, sayur-sayuran atau lain-lain bahan-bahan makanan mentah yang bertujuan untuk penggunaan orang ramai, atau apa-apa pakaian, barang-barang untuk jualan atau barang-barang lain yang ada di pasar awam kecuali di gerai atau di petak di mana mereka sudah pun diberi lesen dari Yang Dipertua.

Buku daftar pemegang gerai.

*(b)* Yang Dipertua hendaklah mengadakan buku daftar yang mengandungi butir-butir yang berkaitan dengan semua pemegang gerai yang telah diberi lesen untuk gerai-gerai atau petak-petak dalam pasar awam.

Pameran lesen.

10. Si pemegang lesen—

*(a)* di setiap pasar persendirian, hendaklah pada setiap masa mempamerkan lesennya di satu tempat yang boleh nampak di pasar persendirian itu;

*(b)* di sesuatu gerai di pasar awam hendaklah setiap masa mempamerkan lesennya di satu tempat yang boleh nampak di gerainya; dan

*(c)* di sesuatu petak di pasar awam hendaklah menyimpan lesennya di dirinya sendiri atau di satu tempat yang membolehkannya untuk mengeluarkan apabila diminta.

Pemegang gerai mesti hadir.

11. *(a)* Seseorang pemegang gerai di mana-mana pasar awam hendaklah pada setiap masa hadir dan menjalankan atau menjaga penjualan di gerainya atau di petaknya melainkan kalau tidak dapat berbuat demikian kerana sebab-sebab yang munasabah.

*(b)* Seseorang pemegang gerai di mana-mana pasar awam boleh, dengan kebenaran-kebenaran bertulis dari Yang Dipertua mengambil seorang pembantu yang dibenarkan di mana nama dan gambarnya hendaklah dilekatkan di bawah kad lesen si pemegang gerai.

Si pemegang gerai hendaklah bertanggungjawab atas kerja-kerja pembantunya dan hendaklah dengan sendirinya hadir di gerainya dari jam 8.00 pagi hingga 12.00 tengahari.

(*c*) Di mana seseorang pemegang gerai di mana-mana pasar awam, meninggalkan Majlis Perbandaran Seremban selama 30 hari, dia hendaklah melantik seorang nomini untuk mengganti tempatnya dengan kelulusan yang bertulis dari Yang Dipertua. Perlantikan nomini.

(*d*) Yang Dipertua hendaklah jangan, kecuali dalam keadaan yang difikirkannya sesuai, meluluskan sebarang kebenaran di bawah peruntukan perenggan (*c*) Undang-undang Kecil ini untuk tempoh yang lebih dari 3 bulan.

(*e*) Bayaran $5.00 hendaklah dibayar oleh si pemegang gerai untuk nomininya.

(*f*) Pemegang gerai di mana-mana pasar persendirian tidak dibenarkan menukar milik, memajak atau menyewa gerainya. Menyewa atau disewa tidak dibenarkan.

(*g*) Jika seorang nomini bertindak bagi pihak seorang pemegang lesen di bawah peruntukan-peruntukan Undang-undang Kecil ini, kewajipan-kewajipan dan tanggungjawab-tanggungjawab yang dikenakan ke atas pemegang lesen di bawah Undang-undang Kecil ini hendaklah terletak ke atas nomini tersebut yang mana boleh didakwa atas apa-apa pelanggaran Undang-undang Kecil ini seolah-olah ia adalah pemegang lesen.

12. Yang Dipertua, di dalam kes pasar awam, dan pemegang lesen pasar persendirian boleh membahagikan tempat atau bahagian yang berlainan di pasar awam atau pasar persendirian, untuk menjual berbagai-bagai jenis makanan yang dimasak atau mentah, minuman atau barang-barang jualan dan tiada seorang pun boleh mendedahkan untuk jualan atau menjual sebarang makanan, minuman atau barang-barang jualan di lain-lain tempat atau bahagian yang telah disediakan untuk menjual barang-barang tersebut. Peraturan-peraturan tempat untuk jualan.

13. Pasar-pasar awam hendaklah dibuka pada waktu yang diarahkan oleh Yang Dipertua dan kecuali dengan kebenaran khas dari Yang Dipertua, tidak seorang pun dibenarkan berada di pasar awam apabila pasar telah ditutup. Waktu pasar awam.

14. (*a*) Di mana bekalan air awam disediakan di mana-mana pasar awam, tiada seorang pun boleh membazir air, dan semua orang hendaklah mengikut arahan-arahan yang diberi oleh Yang Dipertua atau mana-mana orang lain yang dibenarkan olehnya. Tiada membazir air.

(*b*) Tiada pemegang gerai atau orang lain yang bersangkutan dengan jualan makanan atau minuman boleh menyediakan untuk minuman, atau kegunaan untuk memasak, membasuh atau lain penggunaan yang berkaitan dengan tred ini, air dari mana-mana paip atau sumber-sumber lain dalam kawasan tandas awam atau persendirian. Kegunaan air dari tandas.

15. (*a*) Setiap pemegang gerai hendaklah mempamerkan harga barang-barang di gerainya dengan terang bagi tiap-tiap barang yang dijualnya. Pameran harga-harga barang.

*(b)* Setiap pemegang gerai hendaklah menjual barang-barang tersebut mengikut harga yang tercatat.

Mengembangkan daging.

16. Tiada seorang pun boleh memasukkan air atau lain-lain cecair ke dalam daging untuk dijual atau memasukkannya udara; dan tiada seorang pun boleh menjual atau menawar atau mendedahkan untuk jualan atau menyebabkan tawaran atau pendedahan mana-mana daging di mana terdapat air, udara atau sebarang cecair di dalamnya.

Daging yang disembelih di gadi-gadi yang berlesen saja yang boleh dijual.

17. Tiada seorang pun boleh menjual atau mendedahkan untuk jualan atau menyebabkan untuk dijual, menawar atau mendedah untuk dijual mana-mana bahagian mana-mana binatang yang telah disembelih di tempat lain selain dari gadi-gadi awam atau yang berlesen dengan syarat bahawa rusa atau binatang-binatang liar yang lain tidak termasuk di bawah Undang-undang Kecil ini.

Penjualan makanan yang tidak bersih dilarang.

18. *(a)* Tidak seorang pun boleh mendedahkan untuk jualan atau menjual di mana-mana pasar mana-mana barang makanan atau minuman yang tidak bersih untuk orang ramai.

*(b)* Yang Dipertua, Pegawai Kesihatan atau orang-orang lain yang dibenarkan oleh Yang Dipertua boleh menyita, memeriksa mana-mana binatang, burung, daging, ikan, sakit, buah-buahan, sayur-sayuran, lain-lain barang makanan atau minuman di mana didapati tidak selamat atau tidak bersih untuk orang ramai, dengan syarat jika pada fikiran Pegawai Kesihatan segala barang yang telah disita mesti dimusnahkan, maka semua barang-barang itu hendaklah dimusnahkan.

Tanggungjawab si pemegang lesen atau si penyewa.

19. Pemegang lesen mana-mana pasar persendirian atau awam atau mana-mana bahagian yang disewa, si penyewa hendaklah mengadakan orang yang cukup untuk membasuh dan menjaga supaya pasar itu bersih mengikut kepuasan hati Yang Dipertua, dan hendaklah bertanggungjawab di atas sebarang kerosakan atau kehilangan harta benda kepunyaan Yang Dipertua di pasar itu.

Membersih gerai.

20. Tuanpunya gerai hendaklah menjaga kebersihan dan menjaga gerai dalam keadaan yang baik dan pada satu hari dalam seminggu yang ditetapkan oleh Yang Dipertua, si pemegang gerai hendaklah mengeluarkan semua barang-barang jualan atau barang-barang lain dari gerai atau petak mereka dan hendaklah membersihkan gerai atau petak-petak dengan bersih.

Kebersihan harian gerai ikan dan daging.

21. Setiap penjual ikan dan daging hendaklah membasuh dan membersih dengan secukupnya gerai, meja gerai, papan pencincang gerainya dan segala tambahan dan perkakas di gerainya sekurang-kurangnya sekali sehari dan hendaklah disimpan dalam keadaan bersih dan sihat.

Keliling gerai hendaklah bersih.

22. Setiap pemegang gerai hendaklah menjaga mana-mana jalan atau ruang di hadapan atau di belakang atau di sebelah gerai atau petaknya dalam keadaan bersih mengikut kepuasan hati Yang Dipertua.

*Kebersihan pasar dan gerai.*

23. Setiap pemegang gerai di pasar awam atau pasar persendirian hendaklah menjaga kandangnya, gerai, petak atau tempat dan kawasan kelilingnya dalam keadaan bersih dan sihat.

*Perkakas-perkakas dan makanan mesti dilindungi.*

24. Setiap pemegang gerai hendaklah—

(*a*) menjaga semua makanan, sama ada telah dimasak atau mentah dalam keadaan bersih dan sihat supaya tidak terkena dengan lalat, ulat, serangga, kekotoran, habuk atau lain-lain benda yang merbahaya;

(*b*) membungkus semua makanan untuk pelanggan dengan kertas atau lain-lain pembungkus yang bersih;

(*c*) menjaga semua perkakas-perkakas yang berkaitan dengan perniagaannya dalam keadaan bersih dan selamat;

(*d*) menjaga diri dan pakaiannya dalam keadaan yang bersih; dan

(*e*) kerapkali mengecat gerainya sebagaimana yang diarah oleh Pegawai Kesihatan.

*Membuang sampah.*

25. (*a*) Setiap pemegang gerai hendaklah menyediakan dan menjaga dalam keadaan baik untuk gerainya tong-tong sampah yang tertutup yang cukup di mana bentuk dan jenisnya diluluskan oleh Yang Dipertua.

(*b*) Tiada pemegang gerai atau orang lain boleh atau menyebabkan atau membenarkan meletak apa-apa sampah-sarap yang dibuang olehnya di mana-mana tempat melainkan ke dalam tong sampah tersebut.

(*c*) Sampah-sampah pepejal atau keras hendaklah dimasukkan ke dalam beg plastik atau lain-lain karung yang ringan yang diluluskan oleh Yang Dipertua, sebelum dibuang ke dalam tong sampah.

(*d*) Setiap pemegang gerai hendaklah mempastikan semua sampah yang telah dikumpul dalam perniagaannya dibuang dari masa ke semasa ke dalam tong sampah awam yang disediakan untuk tujuan tersebut.

(*e*) Tiada pemegang gerai boleh menyebab atau membenarkan membuang, menyicir atau menabur atau membuang apa-apa darah, air garam, air kotor atau lain-lain benda yang busuk ke dalam longkang atau di atas lantai pasar melainkan di tempat yang dikhaskan oleh Yang Dipertua untuk tujuan tersebut.

(*f*) Jika dalam tindakan mahkamah kerana melanggar peruntukan-peruntukan perenggan (*b*) Undang-undang Kecil ini, ianya menunjukkan bahawa sampah atau kotoran yang tidak dibuang ke dalam tong sampah tetapi ke dalam longkang atau lorong-lorong atau lain-lain tempat di depan, belakang atau di tepi gerai atau petak, ianya akan dikira, melainkan telah dibuktikan

bukan demikian, bahawa ianya dibuangkan di situ atau dengan kebenaran dari pemegang gerai di mana gerai atau petak terletak berhampiran dengan sampah sarap atau kotoran tersebut.

Halangan.

26. Tiada pemegang gerai di mana-mana pasar awam boleh—

(*a*) meletak atau membina gerainya atau petaknya lebih dari had yang diberi padanya dan tiada awning atau penutup boleh melebihi 30 centimeter dari gerai atau petak;

(*b*) menyebab atau membenarkan apa-apa barang-barang jualan, perkakas-perkakas atau lain-lain barang yang berkaitan dengan perniagaannya untuk diletakkan, didedahkan atau ditunjuk untuk jualan di mana-mana tangga, lorong atau jalan di pasar, di atas atau di seberang mana-mana longkang atau sebahagiannya di pasar;

(*c*) menyebab atau membenarkan barang-barang jualan atau perkakas-perkakas atau lain-lain barang yang berkaitan dengan perniagaannya keluar melebihi dari had gerai atau petak yang disediakan untuknya;

(*d*) menyebabkan halangan di mana-mana pasar atau di jalan atau tempat masuk ke mana-mana pasar dengan mana-mana kenderaan, barang-barang jualan, kotak, bakul, kereta tolak atau lain-lain barang; dan

(*e*) membina kotak, tingkat, bendul atau lain-lain binaan di gerai atau petaknya setinggi lebih 2.4 meter dari tanah atau mengumpul barang-barang jualan, kotak-kotak, bakul-bakul, bungkusan-bungkusan atau lain-lain barang di gerai atau petaknya melebihi tinggi tersebut.

Halangan longkang dan lorong.

27. Tiada seorang boleh mempamer apa-apa barang untuk jualan di lorong-lorong atau di atas mana-mana longkang dalam kawasan pasar dan tiada papan, kotak, bakul dan lain-lain barang boleh ditinggalkan dalam, atas atau melintang mana-mana longkang atau jalan.

Pelindung dan perubahan.

28. Tiada seorang dibenarkan membina apa-apa pelindung, tirai atau pembelahan atau membuat perubahan atau tambahan kepada mana-mana gerai tanpa kebenaran bertulis dari Yang Dipertua.

Melarang penggunaan kereta tolak beroda besi.

29. Tiada seorang boleh mengguna kereta tolak atau kereta tolak yang beroda besi untuk tujuan menghantar barang jualan di dalam kawasan pasar awam.

Kemasukan kenderaan.

30. Tiada seorang boleh memandu mana-mana kenderaan bermotor atau membawa basikal di dalam pasar awam melainkan dibenarkan secara bertulis oleh Yang Dipertua.

Api.

31. (i) Tiada boleh dinyalakan api dan tiada pekerjaan memasak atau merebus boleh dijalankan di mana-mana pasar, melainkan di suatu tempat yang ditetapkan oleh Yang Dipertua, tertakluk kepada syarat-syarat yang dibuat olehnya;

Menyiang ayam.

(ii) Tiada penyiangan ayam boleh dijalankan di mana-mana pasar melainkan di tempat atau tempat-tempat yang ditetap oleh Yang Dipertua, tertakluk kepada syarat-syarat yang dibuat olehnya.

Salah penggunaan gerai.

32. Tiada orang boleh duduk, berdiri, berbaring atau tidur di mana-mana gerai yang terdapat di mana-mana pasar.

Kacau-ganggu.

33. Tiada seorang di pasar boleh—

(*a*) melakukan kacau-ganggu;

(*b*) berludah di atas lantai, gerai atau lain-lain bahagian pasar;

(*c*) membuang apa-apa sayuran, benda-benda binatang, sampah-sarap atau lain-lain benda yang busuk di atas gerai, lorong, jalan, tangga-tangga atau mana-mana bahagian pasar melainkan ke dalam tong sampah atau bekas; dan

Melarang menyimpan binatang.

(*d*) memelihara anjing atau lain-lain binatang atau membawa ke pasar anjing atau lain-lain binatang dengan berikat atau tidak atau sengaja membiarkan atau membenarkan anjing atau lain-lain binatang mengikutnya ke dalam pasar.

Meminta sedekah.

34. Tiada seorang di pasar boleh meminta sedekah atau mengemis atau mendedahkan apa-apa kudis, luka atau badan yang sakit atau cacat. Pegawai-pegawai Yang Dipertua boleh menghalau orang-orang yang demikian dari pasar dan tiada orang yang berpenyakit demikian boleh diupah atau menolong dalam perniagaan di situ.

Orang yang berpenyakit.

35. Tiada orang yang diketahui mengidap penyakit yang berjangkit atau membawa mana-mana penyakit boleh menjual makanan di mana-mana pasar; dan sesiapa diambil bekerja boleh jika dikehendaki oleh Pegawai Kesihatan dikenakan pemeriksaan doktor.

Gangguan alat-alat eletrik dan air.

36. Tiada seorang boleh mengganggu atau mengusik mana-mana alat-alat eletrik atau air di mana-mana pasar awam.

Kuasa untuk memeriksa.

37. Tiada orang boleh menahan mana-mana pegawai yang dibenarkan oleh Yang Dipertua daripada masuk atau memeriksa di mana-mana bahagian pasar pada bila-bila masa.

Kuasa untuk menghalau mereka yang melanggar peraturan dan menahan pajakan.

38. Yang Dipertua boleh menghalau atau menyebabkan dihalau dari mana-mana pasar awam sesiapa atau pekerjanya yang sedang atau telah disabitkan dengan mana-mana kesalahan atau melanggar mana-mana Undang-undang Kecil berkait dengan pasar dan boleh menahan mereka daripada melanjutkan mana-mana tred atau perniagaan di pasar tersebut atau menduduki

mana-mana gerai, kedai atau lain tempat dan boleh menetapkan mana-mana pajakan atau masa (tenure) di mana seseorang itu berada di gerai, kedai atau lain tempat.

Kemasukkan dan penyambungan alat-alat eletrik.

39. Tiada alat-alat eletrik atau penyambungan boleh dimasuk atau disambung oleh pemegang gerai di pasar awam tanpa mendapat kebenaran bertulis dari Yang Dipertua. Si pemegang gerai hendaklah menanggung semua bayaran penyambungan dan harga wayar atau kemasukkan eletrik dan juga membayar bayaran eletrik sebagaimana ditetapkan oleh Yang Dipertua.

Bayaran lesen.

40. Bayaran yang dikenakan untuk lesen di pasar awam atau gerai atau petak adalah seperti yang ditetapkan dalam Jadual I.

Pemindahan gerai dan jualan terbuka.

41. Dalam keadaan di mana Yang Dipertua membenarkan apa-apa pemindahan mana-mana gerai atau petak di pasar awam, bayaran yang dikenakan ialah sebanyak $10.00.

Pemansuhan.

42. Bahagian V Undang-undang Kecil Lembaga Bandaran adalah dengan ini dimansuhkan.

Bertarikh pada 6hb Februari 1984.
[SUK. NS. 200 (05) 8/5/1.]

SHAARI BIN SHARIMAN,
*Setiausaha Majlis Mesyuarat,*
*Negeri Sembilan*

JADUAL I

| *Bil.* | *Jenis Perniagaan* | *Bayaran Lesen* | *Sewa* |
|---|---|---|---|
| 1. | Sayur-sayuran .. .. .. | $20.00 sebulan | $25.00 sebulan |
| 2. | Ketam/Kerang/Ikan .. .. | 20.00 sebulan | 25.00 sebulan |
| 3. | Ayam .. .. .. .. .. | 30.00 sebulan | 30.00 sebulan |
| 4. | Kelapa .. .. .. .. .. | 20.00 sebulan | 30.00 sebulan |
| 5. | Daging Babi .. .. .. .. | 30.00 sebulan | 30.00 sebulan |
| 6. | Daging Lembu .. .. .. | 30.00 sebulan | 30.00 sebulan |
| 7. | Daging Kambing .. .. .. | 30.00 sebulan | 30.00 sebulan |
| 8. | Telur .. .. .. .. .. | 20.00 sebulan | 25.00 sebulan |
| 9. | Taufoo .. .. .. .. .. | 20.00 sebulan | 25.00 sebulan |
| 10. | Mee, Kuay Tiow (mentah) .. | 15.00 sebulan | 25.00 sebulan |
| 11. | Lada dan Rempah Giling .. | 15.00 sebulan | 25.00 sebulan |
| 12. | Buah-buahan .. .. .. | 20.00 sebulan | 25.00 sebulan |
| 13. | Kelentong .. .. .. .. | 25.00 sebulan | 30.00 sebulan |
| 14. | Barang-barang runcit .. .. | 20.00 sebulan | 25.00 sebulan |
| 15. | Makanan dan Kuih-kuih .. .. | 20.00 sebulan | 40.00 sebulan |
| 16. | Ikan Kembung Rebus .. .. | 20.00 sebulan | 25.00 sebulan |
| 17. | Bunga-bungaan .. .. .. | 20.00 sebulan | 20.00 sebulan |
| 18. | Air batu ketul .. .. .. | 8.00 sebulan | 30.00 sebulan |

## LOCAL GOVERNMENT ACT 1976

### MARKETS (SEREMBAN MUNICIPAL COUNCIL) BY-LAWS 1983

IN exercise of the powers conferred by section 73 of the Local Government Act 1976, the Seremban Municipal Council has made the following by-laws which have been confirmed by the State Authority pursuant to section 103 of the said Act as follows: *Act 171.*

1. These by-laws may be cited as the **Markets (Seremban Municipal Council) By-Laws 1983** and shall come into force on the date following the date of its publication in the *Gazette*. Citation and enforcement.

2. In these by-laws unless the context otherwise requires— Interpretation.

"pitch" means any space designated within the precints of a market and used for sale of any articles approved by the President;

"President" means the person for the time being lawfully performing the duties of the office of President of Seremban Municipal Council and includes the Deputy President;

"private market" means a market other than a public market and includes a mini market and supermarket;

"public market" means a market owned, leased or maintained by the President;

"stall holder" refers to a person in a public market licensed by the President to sell within that public market and in a private market an individual who is permitted by the licensee of the private market to sell within that private market and both instances include the person in charge of such stalls; and

"stall" includes a pitch.

3. No person shall establish, conduct or carry on a private market in any place, holding or building without a licence issued by the President under these by-laws. Licence for private market.

4. *(a)* The walls shall be well finished with a smooth surface capable of being easily and quickly cleaned without projections or recesses or angles that are likely to collect dust. Requirements in buildings licensed for private market.

*(b)* The floors shall be made of strong impervious material smoothly finished and graded so that all fluids may readily gain access to the drains.

*(c)* The drains shall be constructed of brick lined with good cement with a semi-circular bottom or of glazed earthenware half-pipes and shall be of a diameter of not less than 0.15 metre and shall be sufficient in number and gradient so as to carry off all water and other fluids. Such drains except where they cross the five-foot way shall be covered only with a movable plank or other material and shall not be covered by fixtures or heavy furniture. No drains or pipes for carrying off storm water or bath water or faecal or sewage matter other than properly constructed soil pipes shall be laid through the premises.

(*d*) The floors of the upper storeys shall be properly constructed with cement concrete or with close floor boards tongued and grooved or otherwise jointed so as to be water-tight.

Requirement for sale of meat and fish.

5. (*a*) In any private market where meat or fish are cut, dressed, chopped, stored, displayed or exposed for sale, the walls shall be constructed up to a height of 1.8 metre from the floor and shall be faced with white glazed tiles, glazed bricks or such other impervious material as may be approved by the President.

(*b*) All tables, counters, benches or show cases used for the display for sale of any meat or fish shall be covered with marble, glazed white tiles or glass and shall be washed with soap and water at least once a day.

(*c*) All tables, counters, benches or show cases used for the display for sale of fruit or fresh vegetables shall be washed with soap and water once daily.

(*d*) The hooks for hanging any meat or fish displayed, for sale shall be set back at least 1 metre the verandah or five-foot way and shall be of rust-proof material and shall be changed whenever the Health Officer so directs.

(*e*) Fruits and fresh vegetables shall not be displayed for sale on the same counter or bench as fresh meat or fish.

(*f*) Refrigerators, freezers or chillers of an approved pattern shall be installed if so required by the Health Officer.

Water supply.

6. There shall be constantly available on the premises a supply of clean and wholesome water, which shall be obtained from the public water supply.

Sanitary requirements.

7. The licensee of a private market shall conform to the following requirements—

(*a*) He shall cause all refuse to be collected and placed in covered receptacles provided for the purpose, and shall cause all such receptacles to be emptied and cleaned as frequently as may be necessary to keep the premises at all times clean and wholesome but in no case less than once a day.

(*b*) At such times as the Health Officer may direct, all portable articles shall be removed from the licensed premises, the walls, floors, ceilings and roofs shall be swept and all filth and rubbish removed, and the whole premises thoroughly cleaned, painted or lime-washed, and all necessary repairs shall be made to the premises.

(*c*) All food intended for sale shall be kept in a clean manner and effectively protected from flies, vermin, insects, dust, dirt or other harmful substance, matter or thing.

(*d*) All utensils used on the premises shall be kept in a clean condition and free from any noxious deposit or contamination.

Unauthorised articles.

(*e*) No articles of bedding or clothing shal be hung or stored in any part of a private market.

Terms and conditions for issue of private market licences.

8. (*a*) In the case of a private market, the President may specify—

(i) the maximum number of stalls, pitches or lots that may be set up or alloted within that private market;

(ii) the position within the precincts of that private market in which such stalls or pitches may be set up or marked out;

(iii) the nature of the cooked or uncooked food, drinks or goods sold or to be sold in each section or portion of the private market; and

(iv) such other requirements as the President may deem necessary.

(*b*) The President may issue licences for private markets on such terms and conditions as he may think fit.

Stall licence required in public market.

9. (*a*) No person shall sell or expose or store for sale animals or meat, fish, poultry, fruit, vegetables or other perishable articles of food intended for human consumption, or any clothings, merchandise or other goods in any public market except in a stall or pitch in respect of which he has been granted a licence by the President.

Register of stall-holders.

(*b*) The President shall maintain a register containing relevant particulars of all stall-holders who have been granted licences for stalls or pitches in a public market.

Display of licence.

10. A licensee—

(*a*) of a private market shall at all times display his licence in some conspicuous part of the private market;

(*b*) of a stall in a public market shall at all times display his licence in some conspicuous part of his stall; and

(*c*) of a pitch in a public market shall keep his licence on his person or in such place as to enable him to produce it on demand.

Stall-holder to be present.

11. (*a*) A stall-holder in any public market shall at all times be present and conduct or superintend the sales at his stall or pitch unless unable to do so for some reasonable cause.

(*b*) A stall-holder in any public market may, with the permission of the President in writing, employ an authorised assistant whose name and photograph shall be affixed to the licence card below that of the licensee. The stall-holder shall be responsible for the actions of his assistant and must personally be present at the stall from 8.00 a.m. to 12 noon.

Appointment of Nominee.

*(c)* Where a stall-holder in any public market leaves the Seremban Municipal Council for a period of thirty days, he shall appoint a nominee in his place with the prior approval in writing of the President.

*(d)* The President shall not, except in such circumstances as he may think fit, grant any approval under the provision of paragraph *(c)* of this by-law for any period in excess of three months.

*(e)* A fee of $5.00 shall be payable by a stall-holder for the appointment of a nominee.

Stall not to be leased, let out.

*(f)* No stall-holder in any public market shall assign, lease, let out or sub-let his stall.

*(g)* Where a nominee acts on behalf of the licensee under the provisions of this by-law, the duties and responsibilities imposed on a licensee under this by-law shall fall upon such nominee who shall be liable to prosecution for any contravention of this by-law as if he were the licensee.

Regulation of place for sale.

12. The President in the case of a public market, and the licensee of a private market any apportion different parts or portions of the public market or private market, as the case may be, for the sale of different types of cooked or uncooked food, drinks, articles or goods, and no person shall expose for sale or sell any food, drink, articles or goods other than in that part or portion which has been set apart for the sale of the same.

Hours of public market.

13. Public markets shall be opened for such hours as the President may direct, and except with the special permission of the President no person shall remain in a public market during the hours when the market is closed.

No waste of water.

14. *(a)* Where a public water supply is provided in any public market, no person shall cause waste of water, and all persons shall comply with such directions as may be given by the President or any person authorised by him.

Use of water obtained from lavatory.

*(b)* No stall-holder or any person connected with the sale of food or drink shall provide for drinking, or use for cooking or washing or for any other purpose pertaining to this trade any water from any tap or other source within a public or private convenience or lavatory.

Display of price tags.

15. *(a)* Every stall-holder shall display in a prominent manner at his stall price tags for every article exposed for sale.

*(b)* Every stall-holder shall sell the articles according to the price mentioned on the price tags.

Inflating meat.

16. No person shall inject water or other liquid into any meat intended for sale or inflate with air; and no person shall sell or offer or expose for sale or cause to be so offered or exposed any meat inflated with air or into which any water or other liquid has been injected.

*Only meat slaughtered in licensed slaughter-houses to be sold.*

17. No person shall sell or expose for sale or cause to be sold, offered or exposed for sale any part of any animal which has been slaughtered elsewhere other than in a public or licenced slaughter-house, provided that in the case of deer or other wild animals this by-law shall not apply.

18. *(a)* No person shall expose for sale or sell in any market any unwholesome article of food or drink for human consumption.

*(b)* The President, Health Officer or any other person authorised by the President may seize, inspect and examine any diseased animal, birds, meat, fish or fruits, vegetables, other articles of food or drinks which are unsound, unwholesome or anything unfit for human consumption provided that if in the opinion of the Health Officer the seized articles should be destroyed then such articles should be destroyed forthwith.

*Responsibility of licensee or lessee.*

19. The licensee of any private market or, in the event of a public market or any part thereof being leased, the lessee shall employ a sufficient number of persons to wash and keep the market clean to the satisfaction of the President, and shall be responsible for all damage to or less of any property of the President in the market.

*Cleaning of stalls.*

20. The occupant of each stall shall keep the same clean and in good order, and on one day in every week to be fixed by the President the stall-holder shall remove all their goods or other articles or things from their stalls or pitches and shall cleanse their stall or pitches thoroughly.

*Daily cleansing of meat and fish stalls.*

21. Every dealer in fish and meat shall thoroughly wash and cleanse his stall, stall block, stall board and all fittings and utensils belonging thereto at least once every day, and shall keep the same in a clean and sanitary condition.

*Surrounding of stall to be kept clean.*

22. Every stall-holder shall keep any avenue, passage or space immediately in front of, behind or by the side of his stall or pitch in a state of cleanliness to the satisfaction of the President.

*Cleanliness of market and stalls.*

23. Every stall-holder in a public market or private market shall keep his shed, stall, pen or place and the immediate vicinity thereof in a clean and sanitary condition.

*Utensils and food to be protected.*

24. Every stall-holder shall—

*(a)* keep all food, whether cooked or uncooked, in a clean and hygienic condition so that it does not come into contact with any flies, vermin, insects, dirt, dust or other harmful substances, matter or thing;

*(b)* pack all food for customers with paper, or other material which is clean and not contaminated in any way;

*(c)* keep all apparatus and utensils used in connection with his business clean and free of any contamination;

(d) maintain his person and clothing in a state of cleanliness; and

(e) paint his stall as often as he may be directed to do so by the Health Officer.

Disposal of refuse.

25. (a) Every stall-holder shall provide and maintain in good order in respect of his stall a sufficient number of sound, covered dust bins of a pattern and material as approved by the President.

(b) No stall-holder or other person shall deposit or cause or permit to be deposited any garbage, refuse, rubbish or other matter or thing discarded by him anywhere other than in such refuse bin.

(c) All putrefiable or solid refuse shall be placed in a plastic bag or other light container as may be approved by the President, before they are deposited in a refuse bin.

(d) Every stall-holder shall ensure that all refuse which is accumulated in the course of his business is deposited from time to time in a public refuse bin provided for the purpose.

(e) No stall-holder shall cause or permit to be deposited, spilled, scattered or thrown any blood, brine, waste liquid or other offensive matter into any drain or on any floor of the market except in places designated for such purpose by the President.

(f) If in any proceedings for any contravention of the provisions of paragraph (b) of this by-law it is shown that any garbage, refuse, rubbish or other matter or thing was not deposited in a refuse bin but in or on any passageway, drain, yard or other place immediately in front or behind or by the side of a stall or pitch, it shall be presumed, unless the contrary is proved, that the same was deposited therein or thereon, or with the permission of, the stall-holder whose stall or pitch is situated nearest to such garbage, refuse, rubbish or other matter or thing.

Obstruction.

26. No stall-holder in any public market shall—

(a) place, erect or position his stall or pitch beyond the limits allotted to him, and no awning or covering shall extend 30 centimetres of the stall or pitch;

(b) cause or permit any of his goods, wares or other articles, utensils or things pertaining to his business to be deposited, displayed or exposed for sale on any of the steps, gangways, passages or thoroughfares of the market, or over, upon or across any drain or part thereof in the market;

(c) cause or permit his wares, goods or other articles, utensils or things pertaining to his business to project beyond the limits of the stall or pitch allotted to him;

(d) cause any obstruction in any market or in any street, passage or approach to any market with any vehicle, goods, box, basket, wheel-barrow or other thing; and

(*e*) erect any box, shelf, loft or other structures on his stall or pitch to a height exceeding 2.4 metres from ground level or pile or stack up goods, boxes, baskets, packages or other things on the stall or pitch beyond the said height.

**Obstruction of drains.**

27. No person shall exhibit any articles for sale on the passages or over any drain within a market, and no board, box, basket or other articles shall be left in, upon or across any such drain or passage.

**Sunshades and alterations.**

28. No person shall erect any sunshade, screens or partitions or make any alterations or additions to any stall without the written consent of the President.

**Use of iron wheel cart prohibited.**

29. No person shall use any push cart or trolley with iron wheels for the purpose of conveying goods within any public market.

**Entry of vehicles.**

30. No person shall drive any motor vehicle or bring any bicycle into any public market unless authorised in writing by the President.

**Fire.**

31. (1) No fire shall be lighted and no cooking or boiling shall be done in any market, except at such place or places as may be determined by the President subject to such conditions as he may impose.

**Poultry dressing.**

(2) No dressing of poultry shall be carried out in any market, except at such place or places as may be determined by the President subject to such conditions as he may impose.

**Unlawful use of stall.**

32. No person shall sit, stand, lie or sleep in any stall in any market.

**Nuisance.**

33. No person shall in a market—

(*a*) commit a nuisance;

(*b*) spit onto the floor, stall or other part of the market;

(*c*) throw any vegetables, animal matter, offal, garbage or other offensive matter or thing onto any stall, avenue, passage, steps or any part of the market, except into a refuse bin or receptacle;

**Keeping animal prohibited.**

(*d*) keep any dog or other animal, or take into a market a dog or other animal on a leash or otherwise, or knowingly allow or permit a dog or other animal to follow him into a market.

**Mendicancy.**

34. No person shall in a market beg or apply for alms or expose or exhibit any sore, wound, bodily ailment or deformity. Officers of the President shall expel such persons from markets, and no person so afflicted shall engage or assist in any business therein.

Diseased person.

35. No person knowingly suffering from any infectious or contagious disease or carrying the infection of any disease shall engage in the sale of food in any market; and any person so engaged shall, if required to do so by the Health Officer, submit to a medical examination.

Interference of electrical water fittings.

36. No person shall tamper or interfere with any electrical or water fittings in any public market.

Powers of inspection.

37. No person shall prevent any authorised officer of the President from entering or inspecting any part of any market premises at any time.

Power to expel person breaking regulation and to detain lease.

38. The President may expel or cause to be expelled from any public market any person who or whose servants is or are convicted of any offence or of disobeying any by-law relating to markets and may prevent such person by himself or his servant from further carrying on any trade or business in such market or occupying any stall, shop or other place therein, and may determine any lease or tenure which such person has in any such stall, shop or other place.

Intallation of electrical appliances and connection.

39. No electrical appliances or connection shall be installed or connected by a stall-holder in a public market without the prior approval in writing of the President. The stall-holder shall bear all the costs and expenses of the connection, wiring or installation and shall pay the electricity charges as may be determined by the President.

Licence fees.

40. The fee payable for a licence in a public market or a stall or a pitch are as set out in Schedule I.

Transfer of stall and pitches.

41. In the event of the President permitting any transfer of any stall or pitch in a public market the fee payable will be $10.00.

Repeal.

42. The whole of Part V of the Town Board By-Laws is hereby repealed.

Dated this 6th day of February 1984.
[SUK. NS. 200 (05) 8/5/1.]

SHAARI BIN SHARIMAN,
*Clerk of Council,*
*Negeri Sembilan*

SCHEDULE I

| *No.* | *Types of Business* | *Licence Fee* | *Rental* |
|---|---|---|---|
| 1. | Vegetables .. .. .. .. | $20.00 per month | $20.00 per month |
| 2. | Crabs/cockles/fish .. .. .. | 20.00 per month | 25.00 per month |
| 3. | Poultry .. .. .. .. | 30.00 per month | 30.00 per month |
| 4. | Coconuts .. .. .. .. | 20.00 per month | 30.00 per month |
| 5. | Pork .. .. .. .. .. | 30.00 per month | 30.00 per month |

| *No.* | *Types of Business* | *Licence Fee* | *Rental* |
|---|---|---|---|
| 6. | Beef .. .. .. .. .. | $30.00 per month | $30.00 per month |
| 7. | Mutton .. .. .. .. | 30.00 per month | 30.00 per month |
| 8. | Eggs .. .. .. .. .. | 20.00 per month | 20.00 per month |
| 9. | Taufoo.. .. .. .. .. | 20.00 per month | 25.00 per month |
| 10. | Mee, Kuay Tiow (Raw) .. .. | 15.00 per month | 25.00 per month |
| 11. | Chillies and Spices .. .. .. | 15.00 per month | 25.00 per month |
| 12. | Fruits .. .. .. .. .. | 20.00 per month | 25.00 per month |
| 13. | Haberdashery .. .. .. | 25.00 per month | 30.00 per month |
| 14. | Provisions .. .. .. .. | 20.00 per month | 25.00 per month |
| 15. | Food and Cakes .. .. .. | 20.00 per month | 40.00 per month |
| 16. | Steamed Kembung .. .. | 20.00 per month | 25.00 per month |
| 17. | Flowers .. .. .. .. | 20.00 per month | 20.00 per month |
| 18. | Ice Blocks .. .. .. .. | 8.00 per month | 30.00 per month |

HAJI MOKHTAR SHAMSUDDIN, J.S.D., S.M.T., K.M.N., P.I.S., KETUA PENGARAH PERCETAKAN NEGARA,
KUALA LUMPUR